

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10/12/2010

# Bukan sandiwara

BH 10/12/2010

Pendakwaan kes rasuah terhadap Dr Khir sudah diteliti SPRM, pejabat Peguam Negara: Najib

Oleh Johari Ibrahim, Magendran Rajagopal dan Haspaizi Mohd Zain  
bhnews@bharian.com.my

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak menegaskan, pendakwaan kes rasuah terhadap Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo bukannya sandiwara dan mainan politik tetapi sudah diteliti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pejabat Peguam Negara.

“Apa dia sandiwaranya kalau sudah didakwa... maknanya kita bukan jadikan ini satu

mainan. Ini satu perkara yang diteliti semasak-masaknya oleh SPRM,” kata Perdana Menteri yang menafikan dakwaan pembangkang bahawa pendakwaan terhadap bekas Menteri Besar Selangor itu hanyalah sandiwara dan mainan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, tohmahan itu dibuat kerana rasuah dijadikan isu politik oleh pembangkang untuk ‘mengenakan’ kerajaan seperti tidak serius, ada perlindungan dan pendakwaan berpilih.

LIHAT MUKA 2



**PM lancar Klinik Bergerak 1Malaysia**

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersalam dengan orang ramai yang menyambut ketibaannya pada majlis pelancaran Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) di padang Sekolah Kebangsaan Pos Raya Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands, dekat Ipoh, semalam.

KB1M berkonsepkan sebuah bas yang diubahsuai dan dilengkapi peralatan perubatan dengan mengambil kira skop perkhidmatan, aliran pesakit, praktikaliti, keselesaan dan keselamatan petugas serta pelanggan.